

# Penyelidik raih 10 pingat dan Anugerah Khas dalam Pecipta 2013

Oleh: NOOR SYAHIDAH SABRAN DAN FADHLI SUHAIMI

Universiti Malaysia Pahang (UMP) sekali lagi berjaya meraih satu pingat emas, tiga pingat perak, enam pingat gangsa dan satu anugerah khas dari Korea dalam Persidangan dan Pameran Reka Cipta Antarabangsa (PECIPTA 2013) yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 9 November 2013 yang lalu.

Pingat emas dan anugerah khas diraih oleh pensyarah Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI), Dr. Gurumurthy Hedge dengan tajuk penyelidikan beliau 'Photoalignment Based Plastic (Flexible) Display For Future Generation Using Thiophene Derivatives'. Penyelidikan ini menggunakan Thiophene yang boleh menghasilkan photoalignment plastik yang fleksibel.

Tiga pingat perak dibawa pulang oleh Profesor Madya Dr. Md Lutfor Rahman (FSTI) dengan tajuk penyelidikan "Light Sensitive Liquid Crystal for Optical Storage Devices", Dr. Mahadzir Ishak dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dengan tajuk penyelidikan "The Low Speed Open Circuit Wind Tunnel" dan Dr. Andri Kusbiantoro dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) dengan tajuk penyelidikan "Natural Based Admixture For Green Geopolymer Binder".

Pingat gangsa pula disumbangkan oleh enam penyelidikan iaitu tiga penyelidikan dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), satu dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP), satu dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) dan satu penyelidikan lagi dari Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK).

Turut membanggakan juga apabila booth pameran UMP dianugerahkan sebagai Booth Pameran Terbaik Kategori "Most Eco-Friendly Booth" di Pameran Pecipta 2013 kali ini.

Sempena majlis itu juga, menyaksikan pertukaran memorandum persefahaman (MoU) yang dimeterai antara UMP dan Syarikat New Advanced Technology Center (NATECH) dalam menjalankan penyelidikan dan pemasaran bagi produk "Asar Font" iaitu kit aplikasi tulisan jawi ciptaan Asar Abd Karim dari PBMSK.

UMP diwakili oleh Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, manakala Noor Azly Yusof, Ketua Pegawai Eksekutif mewakili NATECH.

PECIPTA 2013 yang berlangsung selama tiga hari itu turut disertai 100 institusi pengajian tinggi dan sekolah dalam dan luar negara dengan bertemakan "Transforming Research & Innovation Towards Commercialization".

